

09/05/2003

Makmal lengkap kaji segera penyakit kebal akan ditubuh

BINTULU: Kerajaan akan menubuhkan sebuah makmal serba lengkap bagi menjalankan kajian pantas mengenai punca penyakit kebal terhadap ubat berikutan kemunculan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Kerajaan memutuskan untuk membelanjakan sejumlah wang bagi tujuan itu kerana serius mahu mencari penyelesaian segera mengatasi masalah sedemikian.

Perdana Menteri berkata beliau berpuas hati dengan langkah kerajaan membendung penularan SARS itu setakat ini.

"Kita perlu bersedia menanganinya... akan ada lebih banyak penyakit seperti SARS pada masa depan berikutan perubahan bakteria dan virus. Oleh itu, kita perlu berhadapan dengan masalah ini selalu.

"Untuk itu, kita perlu ada satu agenda atau program lengkap bagi menangani penyakit masa depan yang akan muncul di negara kita.

Dalam kes ini, kita langsung tak tahu bagaimana ia disebarkan... kita tidak ada ubat, tidak ada vaksin.

"Sebab itu, kita perlu menubuhkan sebuah makmal yang serba lengkap," katanya selepas merasmikan Kompleks Gas Asli Cecair (LNG) Petronas di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata kemunculan penyakit seperti virus Nipah dan Japanese Encephalitis (JE) sejak kebelakangan ini menunjukkan "kemungkinan berlakunya serangan penyakit yang kebal terhadap ubat".

Ini menunjukkan negara perlu mempunyai satu rancangan jangka panjang sempurna bagi mengawal penyakit yang kebal terhadap ubat, katanya.

"Sudah tentu dunia akan membelanjakan 100 juta dolar untuk menyempurnakan bom-bom nuklear terkini bagi membolehkan mereka membunuh orang dan bukannya menyelamatkan nyawa.

"Kita mahu menyelamatkan nyawa. Kita tidak berminat membunuh orang.

Tetapi mereka (kuasa besar dunia) akan membelanjakan wang untuk melakukan semua itu (pembunuhan)... bukannya membelanjakan wang untuk menjalankan penyelidikan bagi mencegah penyakit sedemikian," kata beliau.